


Stigma Melayu malas punca majikan enggan tawar bekerja

KUALA LUMPUR 7 Dis. - Satu daripada punca siswazah Melayu sukar mendapat pekerjaan di negara ini adalah disebabkan stigma dan persepsi dalam kalangan majikan bukan Melayu yang mengangap golongan itu pemalas.

U n g k a p a n Melayu malas seolah-olah telah dijenamakan kepada golongan itu dan disebut secara berterusan sehingga mempengaruhi minda para majikan terutamanya dalam kalangan bukan Melayu.

Setiausaha Agung Majlis Perundingan Melayu, Prof. Datuk Dr. Hasan Mad berkata, ungkapan Melayu malas itu hanya memberi peluang kepada golongan bukan Melayu termasuk bangsa asing mengambil

kesempatan untuk menyekat potensi dan kebolehan orang Melayu.



HASAN MAD

“Ia hanya memburukkan lagi keadaan orang Melayu termasuk menyekat peluang pekerjaan dan perniagaan.

“Ada dua implikasi dengan ungkapan berkenaan iaitu orang Melayu akan segera menyahut cabaran dan ke-

duanya, bangsa asing mengambil kesempatan walaupun orang Melayu telah berusaha dengan baik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Siri Wacana Cendekiawan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di Universiti Kebangsaan Malaysia, dekat sini hari ini.